

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

PENAAKULAN MORAL CARING MELALUI TEATER FORUM DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MORAL

CARING MORAL REASONING THROUGH FORUM THEATRE IN TEACHING AND LEARNING OF MORAL EDUCATION

Letchumie Devi Varatha Raju ¹

Nadarajan Thambu ²

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: letchu8585@yahoo.com

² Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / Senior Lecturer, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: nada@fsk.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/75>

Abstrak

Melahirkan insan yang berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan prinsip moral adalah matlamat utama Kurikulum Pendidikan Moral. Dalam hal tersebut, penggunaan pendekatan yang amat sesuai untuk menyampaikan pengajaran menjadi keperluan yang utama. Pendekatan tersebut perlu dapat mengembangkan domain moral yang ditetapkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Kajian ini membincangkan amalan Pendekatan *Caring* melalui Teater Forum bagi mengembangkan penaakulan moral *caring* dalam kalangan murid Pendidikan Moral. Cara-cara dalam Pendekatan *Caring* iaitu pemodelan, dialog, amalan dan kepastian diintegrasikan dengan elemen-elemen Teater Forum seperti pengembangan skrip, lakonan anti-model, forum dan lakonan intervensi. Dapatan kajian menunjukkan, Teater Forum menjadi teknik yang sesuai untuk menerapkan amalan penaakulan moral *caring* dalam kalangan murid Pendidikan Moral. Amalan, khususnya penaakulan moral *caring* dapat ditunjukkan secara eksplisit dan konkrit melalui teknik Teater Forum.

Kata Kunci: Pendidikan Moral, pendekatan, Penaakulan Moral, pendekatan *Caring*, Teater Forum.

Abstract

Creating people of high moral character and integrity who adhere to universal values based on moral principles is the ultimate goal of the Moral Education Curriculum. In this regard, the use of an appropriate approach to convey teaching is a key requirement. Such approaches need to be able to develop the moral domain set forth in the Moral Education Secondary Curriculum Standard for moral reasoning, moral emotion and moral behaviour. This study discusses the Practice of the Caring Approach through Forum Theatre to develop caring's moral reasoning among students of Moral Education. The methods in this Approach which are modelling, dialogue, practice and certainty are integrated with Forum Theatre elements such as script development, anti-model acting, forums and acting intervention. The findings of the study show that Forum Theatre is an appropriate technique for implementing caring moral reasoning among Moral Education students. Practices, especially caring's moral reasoning can be demonstrated explicitly and concrete through Forum Theatre techniques.

Keywords: Moral Education; approach; Moral Reasoning; Caring Approach; Forum Theatre

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 17th January 2020, revised 31th January 2020, accepted 15th February 2020

Pengenalan

Kurikulum Pendidikan Moral yang disemak semula (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)¹, juga memberi penekanan kepada penerapan nilai murni; di samping mendidik murid untuk berfikir, berilmu pengetahuan serta mampu mendepani cabaran pendidikan abad mendatang. Justeru, guru pula pintar menggunakan kebijaksanaan dan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah pelbagai aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran berfikir atau kemahiran penaakulan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Nadarajan Thambu, 2019; Thambu, 2018)^{2,3}. Bagi merealisasikan aspirasi tersebut, matapelajaran Pendidikan Moral menjadi salah satu usaha untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia dengan aspek perkembangan penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 1 KSSM, 2015)⁴.

Pendidikan Moral di Malaysia diajar sebagai satu mata pelajaran teras di peringkat sekolah rendah dan menengah untuk pelajar bukan beragama Islam seperti pelajar Cina, India, Orang Asli, Iban serta Kadazan dusun (Vishalache, 2011)⁵. Mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah memberi tumpuan kepada usaha untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia. Mata pelajaran ini diharap dapat menghasilkan murid yang berpengetahuan, berperwatakan mulia, dan mengutamakan perpaduan serta bersemangat patriotik ke arah menyumbang secara produktif terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 1 KSSM, 2015)⁴.

Guru terpaksa bertungkus lumus untuk menanamkan nilai-nilai moral dalam kalangan murid. Dalam hubungan ini, penggunaan Pendekatan *Caring* dalam proses pengajaran dan

pembelajaran Pendidikan Moral, dapat mengembangkan penerapan moral murid. Menurut Nel Noddings (2005)⁶, beliau tidak bermaksud bahawa hubungan *caring* dapat melakukan segala yang diperlukan dalam pendidikan, tetapi hubungan ini boleh menjadi asas bagi kejayaan suatu pedagogi. Dalam pada itu, menurut Nadarajan Thambu (2017)⁷ teknik paling sesuai untuk menterjemahkan Pendekatan *Caring* dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral ialah melalui teknik Teater Forum. Tambahan pula, Boal (1979)⁸ mendakwa Teater Forum menjadi teknik bermakna untuk mencetuskan kesedaran dan tindakan sosial.

Pendekatan Caring

Kepedulian atau dalam istilah yang lain ialah perihai atau sikap ambil peduli (terhadap seseorang atau sesuatu), perhatian, keprihatinan (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2014)⁹. Pendekatan *Caring* atau "kepedulian" (Abdul Rahman Md. Aroff, 1999)¹⁰ dalam Pendidikan Moral yang dipeloporkan oleh Noddings (1984)¹¹ adalah berkait rapat dengan perkembangan moral daripada perspektif wanita. Menurut Noddings (1984)¹¹, Pendekatan *Caring* atau kepedulian mempunyai matlamat utama iaitu untuk mengekal dan mengukuhkan amalan *caring* di dalam diri sendiri serta terhadap sesiapa sahaja yang mempunyai perhubungan atau pertalian. Ini bermaksud bahawa perkembangan *caring* seorang individu merupakan perwatakan dalaman seorang individu.

Gilligan menyatakan bahawa wanita mempunyai perspektif yang berlainan iaitu berorientasi *care* iaitu bertumpu kepada saling pergantungan dan prihatin dalam sesuatu perhubungan dan pertalian dengan orang lain. Noddings (1984)¹¹ telah mengkaji etika kepedulian dan hubungannya terhadap persekolahan serta terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Noddings (1994, 2003)^{12,13} melihat pendidikan sebagai medium yang penting dalam mengembangkan perasaan kasih sayang dalam masyarakat. Pendekatan ini kemudian dikembangkan oleh pendidik yang lain kerana beberapa kajian telah menunjukkan bahawa perkembangan 'care' harus diperluaskan kepada manusia, tanpa mengira jantina.

Ada empat aspek dalam Pendekatan *Caring* iaitu (a) Pemodelan (*Modeling*), (b) Dialog (*Dialogue*), (c) Amali (*Practice*) dan (d) Kepastian (*Confirmation*). Murid belajar untuk lebih bertanggungjawab apabila guru menjadi model (*modeling*) untuk menunjukkan kasih sayang. Lickona (1993)¹⁴ menegaskan bahawa guru perlu menjadi model yang menunjukkan tingkahlaku kasih sayang bagi melahirkan sikap altruistik. Guru dapat mewujudkan perhubungan dan ikatan interpersonal yang memberikan peluang kepada murid untuk bertanya dengan menggunakan komponen dialog. Sesungguhnya komunikasi yang baik di antara guru dan murid akan meningkatkan penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Murid dapat mempelajari cara untuk menunjukkan kasih sayang melalui amali (*practice*) dengan melibatkan diri dalam perkhidmatan sosial. Keadaan sekolah dan bilik darjah adalah persekitaran terbaik yang dapat melahirkan peluang kepada murid untuk mengembangkan kemahiran interpersonal sebelum mereka menjejak ke dalam dunia sebenar (Wentzel, 1998)¹⁵

Teater Forum

Teater Forum diperkenalkan oleh Boal (1979, 2008)^{8,16}. Teater Forum ialah satu teknik pengajaran dan pembelajaran interaktif yang memerlukan murid terlibat secara aktif dalam proses mengolah skrip, menghafal, terlibat dalam forum, berlakon dan meluahkan idea. Hal ini membolehkan murid

menghayati nilai dan memikirkan tentang apa yang mereka lakukan. Murid juga berpeluang terlibat secara intelek, emosi dan fizikal (Babbage, 2004)¹⁷. Teknik pengajaran interaktif ini mampu memberikan peluang kepada murid sedar dan terlibat secara kognitif, melihat sesuatu konflik moral secara kritis dan mencari penyelesaian kepada masalah. Kemahiran penyelesaian yang digunakan dalam teater pula dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah sebenar dalam kehidupan (Osburn, 2010)¹⁸.

Ada empat langkah dalam Teater Forum iaitu pengembangan skrip, lakonan anti-model, forum dan lakonan intervensi. Dalam sesi pengembangan skrip, murid-murid perlu menulis sebuah skrip berdasarkan pengalaman kehidupan harian mereka sendiri. Fokus cerita ialah konflik, masalah atau apa yang disebut oleh Boal (1979, 2008)^{8,16} sebagai *an oppression* wujud. Skrip yang ditulis wajib memaparkan situasi penindasan atau tekanan dan watak tersebut gagal mengatasi tekanan atau konflik yang melandanya. Skrip yang dikembangkan ini akan dilakonan untuk tontonan umum. Lakonan peringkat ini dikenali sebagai lakonan anti-model. Lakonan anti-model berakhir tanpa penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh watak-watak yang berlakon. Lakonan ini dikenali sebagai lakonan anti-model kerana, lakonan ini bukanlah "model" yang harus penonton contohi atau teladani (Boal, 2008)¹⁶. Masalah yang dikarang dalam skrip dapat digambarkan dengan lebih realistic melalui lakonan anti-model agar penonton dapat dirangsang untuk bertindak atau campur tangan dalam masalah yang mereka lihat.

Setelah lakonan anti model ini selesai satu sesi forum akan dikendalikan oleh "joker". *Joker* akan berbincang dengan penonton masalah yang dipaparkan dalam persembahan dan cadangan penyelesaiannya. *Joker* akan meminta para penonton untuk memikirkan penyelesaian yang munasabah atau idea yang boleh dilaksanakan untuk menyelesaikan konflik yang dialami oleh watak-watak yang tertindas dalam lakonan anti-model. Sesi perbincangan, improvisasi dan penglibatan *spect-actor* ini dikenali sebagai "forum" dalam Teater Forum (Boal, 2008)¹⁶. Dalam sesi intervensi Teater Forum lakonan anti-model akan dipersembahkan untuk kali yang kedua. Pada peringkat ini penonton (*spectator*) akan berubah peranan menjadi *spect-actors* dengan mengambil alih peranan watak yang tertindas untuk membawa penyelesaian yang terbaik kepada masalah yang dihadapi (Boal, 2006)¹⁹. Sesi intervensi ini membenarkan *spect-actors* untuk memberhentikan lakonan dengan teriakan "HENTY". Para penonton (*spect-actors*) boleh cuba melakonan idea penyelesaian mereka di atas pentas. Mereka boleh menawarkan semua idea, strategi dan cara penyelesaian alternatif yang munasabah kepada aksi watak yang tertindas.

Metodologi Kajian

Rekabentukkajian

Kajian ini dijalankan dalam reka bentuk kajian tindakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Penyelidik menggunakan model kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1998)²⁰. Kemmis dan McTaggart (1988)²⁰ menggambarkan kajian tindakan dalam bentuk gelungan. Setiap gelungan mempunyai empat fasa iaitu: i. merancang (*plan*), ii. bertindak (*action*), iii. memerhati (*observe*) dan iv. mengkaji semula (*reflect*). Fasa-fasa ini dilaksanakan secara berurutan dalam bentuk gelungan. Maka data dikumpulkan daripada pelbagai sumber seperti pemerhatian turut serta, temubual kumpulan berfokus dan analisis dokumen untuk tujuan triangulasi (Bogdan & Biklen, 2005)²¹. Setiap instrumen (Protokol Temu Bual, Protokol Pemerhatian dan Protokol Catatan Jurnal) yang dipilih telah diubahsuai dengan teliti agar tidak begitu kompleks apabila

mengumpul data. Tempoh masa pengumpulan data juga berbeza-beza mengikut keselesaan murid-murid dan persetujuan mereka.

Peserta kajian

Penyelidik menggunakan teknik pemilihan peserta kajian secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu pemilihan peserta kajian berdasarkan beberapa pertimbangan dan kriteria yang ditentukan oleh penyelidik sendiri (Miles & Huberman, 1994)²². Peserta kajian yang dipilih ialah murid-murid tingkatan dari sebuah kelas Pendidikan moral di dua buah sekolah harian. Mereka terdiri daripada murid-murid perempuan dan lelaki kaum Cina dan India.

Prosedur Mengumpul Data


Pengumpulan data menggunakan pelbagai instrumen sesuai digunakan dalam kajian kualitatif kerana pengumpulan lebih banyak data daripada pelbagai sumber adalah lebih baik untuk memahami sesuatu fenomena yang dikaji (Bogdan & Biklen, 2005)²¹. Penyelidik menggunakan temubual kumpulan berfokus, catatan jurnal dan pemerhatian sebagai instrumen kajian. Kaedah temubual semi struktur digunakan dalam kajian ini. Menurut Merriam(1998)²³ dan Stake (1995)²⁴, temubual semi struktur menyediakan peluang bagi penyelidik mendapatkan maklumat lanjut daripada peserta kajian. Dua jenis jurnal iaitu jurnal refleksi penyelidik dan jurnal murid digunakan untuk memperoleh data daripada kajian. Jurnal refleksi penyelidik (Bogdan & Biklen, 2005)²¹ digunakan sebagai rekod bertulis bertujuan untuk merakamkan perasaan, amalan, pengalaman dan suasana yang dialami oleh penyelidik sewaktu pengajaran. Manakala jurnal murid (Piantanida& Garman, 1999)²⁵ pula bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang tindak balas peserta terhadap teknik pengajaran yang digunakan.

Kaedah Menganalisis Data

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah analisis data yang disyorkan oleh Miles dan Huberman (1994)²² dengan mengintegrasikan teknik analisis tema. Analisis tematik memberi peluang kepada para penyelidik untuk menerajui perkataan atau pernyataan yang tidak jelas atau menyatakan idea-idea. Proses analisis data dijalankan dengan menggunakan peringkat Miles dan Huberman (1994)²² iaitu pengumpulan data, reduksi data, paparan data dan melakar kesimpulan/verifikasi untuk memberikan gambaran keseluruhan tentang tema yang diekstrak.

Analisis Dan Dapatan Kajian

Semasa pengumpulan data, aspek pemikiran secara munasabah dan pertimbangan yang teliti telah diaplikasikan oleh peserta dalam proses penaakulan moral *caring*. Penyelidik dapat mengesan satu tema utama semasa membincangkan penaakulan moral *caring* di kalangan peserta. Tema-tersebut ialah:

i. *Pemikiran Caring*

Rajah 1 Proses Perkembangan Penaakulan Moral *Caring*

Tema: *Pemikiran Caring*

Proses pemikiran yang munasabah dan logik merupakan satu unsur penting dalam perkembangan aspek penaakulan moral individu (Abdul Rahman & Chang, 1994)²⁶. Seseorang individu perlu berfikir sebelum membuat sesuatu keputusan. Dalam kajian ini, teknik seperti pengembangan skrip, lakonan anti-model dan forum telah dapat mengembangkan pemikiran *caring* dalam kalangan peserta. Pentafsiran situasi *caring* dan rasional yang *caring* menjadi sub tema bagi pembentukan tema iaitu pemikiran yang *caring*.

Tafsiran Situasi *Caring*

Melalui sesi temubual yang dijalankan dalam ketiga-tiga gelung kajian, didapati bahawa peserta dapat mengenalpasti situasi yang mengandungi isu moral melalui pemikiran yang *caring*. Mereka dapat mentafsir samaada situasi yang diberi tersebut melibatkan isu moral atau tidak. Selain itu,

peserta juga dapat menyatakan dengan jelas tentang konflik yang wujud antara watak-watak yang terlibat dalam situasi tersebut. Melalui pentafsiran tersebut, mereka mampu memberi cadangan melalui sesi forum bagi mengatasi konflik yang wujud dalam isu moral yang diberi.

Dalam situasi Raj dan Kim, murid memberi pendapat dengan menyatakan perkara yang patut dilakukan dan yang harus dielakkan. Petikan temubual di bawah menjadi bukti pemikiran moral yang dipaparkan oleh peserta.

- Peserta 2: Semasa lakonan anti-model, Raj dan Kim memukul kucing yang tidak bersalah.. Mungkin kucing itu lapar...lagi ia cedera di kaki... Raj dan Kim tidak patut memukul dan menghalaunya... Tapi dalam lakonan lagi satu.. intervensi, Raj dan Kim bawa kucing itu ke klinik.. baik sangat sikap itu...
- Penyelidik : Apa pendapat anda terhadap intervensi itu?
- Peserta 3: hmmm...Kita perlu jaga haiwan dengan baik...jika kita asyik pukul dan dera haiwan, lama-lama semua haiwan akan mati...*atleast* kita boleh beri makanan kepadanya...

(smk Moon/temkumfokus/gel 1/2.5.19)

Melalui temubual ini, didapati bahawa mereka dapat mentafsir situasi yang diberi lalu menyatakan tindakan *caring* yang sepatutnya yang dilakukan oleh watak. Mereka juga dapat menunjukkan pemikiran tentang kepentingan penjagaan hidupan lain seperti haiwan.

Tambahan pula, dalam gelung kedua juga peserta dapat mengukuhkan lagi tema pemikiran *caring*. Peserta dapat membuat tafsiran tentang kepentingan sifat *caring* dalam sesebuah keluarga. Mereka dapat membezakan tindakan tidak *caring* (lakonan anti-model) dengan tindakan bersifat *caring* (intervensi). Petikan temubual di bawah menunjukkan pengakuan mereka terhadap tindakan-tindakan tersebut.

- Peserta 2: Ibubapa perlu elakkan menunjukkan sikap negatif di hadapan anak..seperti menjerit...marah...seperti Watak ibu yang marah dan jerit pada Ben.. Dalam intervensi, ibu nasihat Ben dengan baik...bercakap dengan lembut...itu baik...sebab Ben juga ikut sikap ibu dia...
- Peserta 3: Saya marah pada Ben juga...cara dia balas ibu langsung tiada hormat...dia jerit pada ibu itu tingkahlaku tidak baik...tak hormat...Kalau dia seperti ini, orang lain tidak akan hormat dia..Dia sepatutnya minta maaf atas kesalahan dia..

(smk Sun/temkumfokus/gel 2/9.5.19)

Bahagian temubual di atas menunjukkan tafsiran murid terhadap tingkahlaku ahli keluarga antara satu sama lain iaitu ibu bapa perlu menjadi contoh yang baik kepada anak dan anak juga perlu menghormati ibu bapanya. Tambahan pula, anak yang tidak menghormati ibu bapanya, tidak akan dihormati oleh pihak lain.

Melalui temubual gelung ketiga didapati peserta mempunyai keupayaan pentafsiran dan pemikiran moral *caring* yang kukuh. Mereka dapat membezakan perlakuan yang benar dan perlakuan yang salah. Berikut adalah bukti respon mereka.

- Peserta 1: Dalam lakonan anti-model, guru terus marah pada Tom..guru tidak tanya sebab dia tidur.. tak boleh macam itu...dalam intervensi saya lakon sebagai guru...mmm...saya tanya dulu sebab Tom tidur..baru saya tau dia sakit...saya minta dia pergi jumpa kaunselor...saya bagi motivasi kepada dia untuk cepat sembuh...
- Penyelidik: Apakah pendapat kalian lain terhadap kedua-dua lakonan itu?
- Peserta 2: Guru perlu tanya dulu masalah murid...tak boleh marah je...nanti murid pun akan benci pada guru...murid pun akan marah macam guru...dalam lagi satu lakonan..mmm..ya..intervensi...watak guru tanya sebab Tom tidur...Tom pun balas dengan baik...
(smk Ros/temkumfokus/gel 3/16.5.19)

Bahagian temubual ini dapat menunjukkan pemikiran moral *caring* yang dipaparkan oleh peserta di mana mereka berkeupayaan untuk membuat keputusan tentang tindakan yang baik dan benar dalam hubungan seorang guru dan murid.

Tambahan pula, analisis catatan jurnal juga dapat menunjukkan kemampuan peserta dalam membuat pentafsiran terhadap tindakan yang *caring* dan tidak *caring*. Peserta berpendapat bahawa kita bukan sahaja hidup baik sesama manusia, malah perlu hidup baik dengan kehidupan lain juga. Catatan jurnal berikut menunjukkan bukti pemikiran tersebut.

Dalam aktiviti hari ini, saya menjadi sebagai penonton sahaja. Saya berpendapat bahawa, tindakan Raj dan Kim tiada berperikemanusiaan. Mereka pukul dan dera kucing yang tidak berdosa. Mereka bercakap baik dengan orang lain tapi menunjukkan sikap tak baik pada kucing. Kita perlu hidup baik dengan semua kehidupan, tidak kisah samaada manusia atau haiwan atau tumbuhan. Baru kita adalah insan berhati baik.

(smk Sun/jur/gel 1/2.5.19)

Peserta juga menegakkan pendapat mereka bahawa ibu perlu menasihati anak jika mendapati anaknya bersalah. Melalui sikap *caring*, peserta dapat membuat tafsiran terhadap tindakan ibu yang tidak seharusnya memarahi anak, malah ibu perlu menasihati anaknya dengan tenang supaya dia insaf. Berikut ialah catatan jurnal dua orang peserta kajian dalam gelung kedua yang mentafsirkan sifat yang patut dimiliki oleh watak ibu.

Saya menjadi penonton semasa lakonan anti-model. Dalam lakonan anti-model, ibu marah Ben dengan kasar. Memang Ben membuat salah tetapi sebagai ibu perlu menasihati dia supaya dia tidak ulang kesalahan itu. Marah itu bukan satu penyelesaian yang baik. Dalam keluarga, ibu bapa perlu nasihat anak mereka apabila mereka membuat salah.

(smk Sun/jur/gel 2/9.5.19)

Murid juga mengaku bahawa sikap tingkahlaku *caring* dan sikap sabar perlu ada sesama manusia bagi mengelakkan sebarang konflik. Sebagai contoh, peserta menyatakan watak guru perlu menyiasat dengan tenang sesuatu perkara sebelum mengambil tindakan. Pernyataan ini menunjukkan pemikiran *caring* dalam kalangan murid. Analisis catatan jurnal dalam gelung ketiga menyokong pemikiran *caring* yang dibawa oleh murid.

Saya berlakon sebagai guru semasa intervensi. Saya bertanya dulu sebab Tom tidur semasa saya mengajar. Saya memahami keadaan dia. Dia sebenarnya sakit dan memerlukan rehat. Apabila saya bercakap dengan tenang, Tom juga balas saya dengan hormat dan meminta izin kepada saya untuk 'refresh'. Maka, saya pun bagi peluang kepadanya. Saya tidak boleh 'strict' sangat sampai Tom rasa tertekan.

(smk Sun/jur/gel 3/16.5.19)

Melalui catatan jurnal di atas, dapat memperlihatkan pemikiran *caring* yang didukung oleh peserta. Peserta dapat membuat keputusan tindakan *caring* demi kepentingan insan yang lain.

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam gelung pertama menunjukkan peserta dapat memaparkan pemikiran *caring* seperti bersopan santun melalui lakonan intervensi mereka. Berikut adalah pemerhatian daripada salah seorang pemerhati:

Peserta melakonan watak Raj dan Kim dengan penuh *caring* dalam lakonan intervensi. Tingkahlaku peserta yang membawa kucing itu ke klinik menunjukkan bahawa mereka dapat berfikir dengan *caring*.

(smk Sun/propemer/Chin/gel 1/2.5.19)

Daripada pemerhatian itu dapat dirumuskan bahawa peserta dapat memaparkan pemikiran *caring* melalui tingkahlaku mereka semasa lakonan intervensi.

Semasa sesi forum dan lakonan intervensi dalam gelung kedua, rakan kolaborasi dapat memerhati pemikiran *caring* oleh peserta. Menurut rakan kolaborasi tersebut, peserta dapat memberi pendapatnya bahawa ibu perlu sabar pada anak dia.

Peserta berpendapat bahawa watak ibu perlu sabar dan tenang semasa mengendalikan isu dengan anaknya kerana tingkahlaku ibu yang akan dicontohi oleh anak. Peserta tersebut menunjukkan cadangannya melalui lakonan intervensi iaitu ibu bersikap *caring* semasa bercakap dengan anaknya dan memberi nasihat dengan tenang supaya Ben dapat mendengarnya serta mengakui kesilapannya dengan hati yang terbuka.

(smk Moon/propemer/Man/gel 2/16.5.19)

Lantaran itu, pemerhatian dan lakonan intervensi semasa gelung ketiga telah membuktikan bahawa peserta dapat menunjukkan perlunya sikap *caring* di kalangan guru. Sikap guru yang *caring* dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh murid adalah tunjang utama hubungan guru dan murid.

Lakonan peserta semasa intervensi telah memaparkan sifat guru yang *caring* dan prihatin terhadap murid dapat menyelesaikan masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh murid. Semasa pemerhatian didapati bahawa murid memerlukan kata-kata sokongan dan *caring* daripada guru supaya murid dapat menjalinkan hubungan yang baik dan berkepercayaan.

(smk Moon/propemer/Man/gel 3/16.5.19)

Analisis data triangulasi ketiga-tiga sumber untuk sub-tema tafsiran situasi *caring* menunjukkan pemikiran *caring* murid yang berkeupayaan untuk memberikan cadangan dan

pertimbangan tentang kepentingan tingkahlaku manusia sebagai agen *caring* dalam sesebuah komuniti. Mereka dapat membezakan antara tingkahlaku *caring* dan tidak *caring*. Dapatan ini menunjukkan sikap yang perlu diamalkan oleh individu seperti guru, murid dan anggota keluarga supaya menjadi agen *caring* dalam masyarakat.

Rasional yang *Caring*

Di samping pentafsiran yang *caring*, peserta kajian juga dapat menyuarakan terhadap tingkahlaku yang bersifat *caring* secara rasional. Tambahan pula peserta juga dapat menyatakan alasan dengan rasional samaada sesuatu tingkahlaku itu *caring* atau tidak *caring*. Peserta dapat memaparkan perkara *caring* yang patut dilakukan semasa menghadapi sesuatu situasi.

Dalam konteks kajian ini, peserta dapat membuktikan secara rasional bahawa sikap *caring* bukan sahaja perlu ditunjukkan sesama manusia malah harus ditunjukkan terhadap haiwan juga. Hal ini disahkan melalui temubual dalam gelung pertama seperti berikut.

Peserta 2: Ya, Raj dan Kim seboleh-bolehnya memberi cebisan makanan kepada kucing itu walaupun tidak membawanya ke klinik kerana...mungkin kucing itu lapar dan sebab itu ia naik ke atas meja makanan mereka.
(smk Moon/temkumfokus/gel 1/2.5.19)

Tambahan pula, peserta juga boleh berfikir secara rasional di mana tingkahlaku yang ditunjukkan semasa lakonan intervensi harus dapat diterima dalam kehidupan realitinya. Peserta berpendapat bahawa tingkahlaku *caring* itu perlu diterima secara rasional iaitu sebab penerimaan itu perlu difahami dan dirasakan kepentingannya oleh individu. Perkara ini telah dibuktikan dalam sedutan temubual gelung kedua berikut:

Penyelidik: Pada pendapat anda, adakah tindakan dalam lakonan intervensi dapat digunakan dalam kehidupan realiti?

Peserta 1: Memang boleh... watak ibu itu.. ibu boleh bercakap dengan kasih sayang dengan anak supaya anak insaf tentang kesalahannya...bila ibu bercakap dan berkelakuan *caring*, anak juga akan mengikuti cara itu... tunjuk balik rasa *caring* terhadap pihak lain dalam keluarga...

(smk Moon/temkumfokus/gel 2/9.5.19)

Selain itu, dalam gelung ketiga peserta juga memberikan sebab-musabab tentang kepentingan bertingkahlaku dengan *caring* tanpa menunjukkan sifat kemarahan walaupun situasinya membawa kemarahan dalam diri kita. Peserta kajian mengaku lakonan anti-model dalam gelung kedua merangsang pemikiran mereka untuk mempertimbangkan sifat *caring* yang perlu dimiliki oleh watak dalam mengatasi sesuatu situasi.

Peserta 1: Semasa lakonan anti model guru terus marah pada Tom kerana dia tidur dalam kelas semasa guru mengajar...memang ia adalah salah..guru mungkin marah sebab Tom tidak menghormati guru...tapi, guru boleh gunakan sifat *caring*.. yang ada dalam dirinya..kerana sifat *caring* itu boleh insafkan tingkahlaku Tom secara perlahan-lahan...boleh bantu Tom supaya dia tidak mengulangi kesalahan itu.

(smk Ros/temkumfokus/gel 1/2.5.19)

Daripada temubual dalam gelung ketiga didapati bahawa sifat *caring* itu boleh menjadi asas bagi manusia untuk menangani sesuatu masalah dengan tenang. Situasi masalah itu juga akan menjadi aman tanpa sebarang pergaduhan atau peselisihan faham.

Lantaran itu, catatan jurnal gelung pertama membuktikan bahawa peserta berfikiran rasional tentang kepentingan menunjukkan *caring* terhadap kehidupan lain selain daripada manusia iaitu haiwan. Pemikiran bahawa haiwan harus disayangi dan bukan dizalimi dianggap sebagai pemikiran moral yang dilahir di kalangan peserta. Perkara ini dapat dibuktikan dalam catatan jurnal berikut.

Saya berlakon sebagai Kim dalam lakonan anti-model pada hari ini. Semasa lakonan tersebut, saya telah memahami bahawa tidak baik mendera haiwan. Haiwan juga adalah suatu hidupan yang bernyawa dan mempunyai perasaan. Tidak baik saya menderanya.

(smk Moon/jur/gel 1/2.5.19)

Pada hari ini, saya hanya menjadi sebagai penonton sahaja. Semasa lakonan anti model Raj dan Kim sangat mendera kucing yang tidak berdosa itu. Haiwan adalah salah satu kurniaan daripada Tuhan. Walaupun kita tidak dapat membuat kebaikan kepadanya, *atleast* tidak perlu menyakitinya.

(smk Sun/jur/gel 2/9.5.19)

Catatan jurnal gelung kedua juga mengesahkan bahawa peserta mempunyai pemikiran moral yang *caring* tentang situasi yang dipaparkan. Berikut ialah respon daripada seorang peserta:

Saya belakon sebagai Ben semasa lakonan intervensi. Saya meminta maaf atas kesalahan saya kepada ibu. Saya berjanji pada ibu juga bahawa tidak akan mengulangi kesalahan ini. Saya amat menyayangi ibu saya.

(smk Moon/jur/gel 2/9.5.19)

Pemikiran dengan rasional yang *caring* juga penting bagi seseorang individu sebagai anggota masyarakat. Dalam dapatan kajian gelung ketiga, seorang peserta mencatatkan bahawa:

Semasa saya berlakon sebagai Tom dalam lakonan intervensi, saya berkelakuan positif iaitu meminta maaf kepada guru atas kelakuan saya. Saya langsung tidak kurang ajar pada guru. Kita perlu hormati guru. Dalam kehidupan saya juga, saya akan menghormati guru. Walaupun guru marah pada saya, saya tidak akan berkelakuan negatif terhadap guru.

(smk Sun/jur/gel 3/16.5.19)

Tambahan pula, catatan pemerhatian juga menunjukkan pemikiran rasional yang *caring* di kalangan peserta. Dalam gelung pertama, seorang pemerhati telah memberikan pendapat bahawa:

Dalam lakonan intervensi, watak Raj dan Kim menunjukkan sikap yang baik iaitu menunjukkan *caring* pada kucing yang tercedera. Mereka memberi makanan kepadanya dan membawanya ke klinik. Walaupun, mereka tiada kaitan dengan

kucing itu, namun mereka dapat meunjukkan *caring* pada kucing itu. Hal ini menunjukkan, sebagai manusia kita perlu bersikap baik kepada semua hidupan.
(smk Sun/propemer/Chin/gel 1/2.5.19)

Semasa pemerhatian dalam sesi forum gelung kedua, pemerhati mendapati bahawa pemikiran rasional yang *caring* seseorang individu perlu seiring dengan tingkahlaku mereka. Berikut ialah pendapat seorang pemerhati tentang sesi forum:

Dalam sesi forum, seorang peserta mencadangkan bahawa ibu tidak boleh sangat tegas terhadap anaknya (Ben) kerana anak-anak perlu dididik secara perlahan-lahan. Peserta kajian juga menyatakan pendapatnya berdasarkan lakonan anti-model iaitu Ben besikap kurang sopan terhadap ibu kerana ibu menunjukkan sikap sedemikian terdahulu. Menurut mereka, anak-anak (Ben) mengikuti tingkahlaku ibunya samaada tingkahlaku betul atau salah. Maka, ibu perlu menjadi teladan *caring* yang baik kepada anaknya Ben.

(smk Moon/propemer/Man/gel 2/9.5.19)

Manakala, dapatan di atas juga diperhatikan dalam lakonan intervensi gelung kedua. Komen daripada salah seorang pemerhati adalah seperti berikut:

Semasa lakonan intervensi, peserta kajian memaparkan sikap ibu yang *caring* dengan memberi cara nasihat yang baik. Watak ibu tersebut, tidak memarahi anaknya Ben atas kesalahannya, malah memberi tunjuk ajar dengan baik. Watak Ben juga insaf tentang kesalahannya lalu meminta maaf pada ibu dengan titisan air mata. Watak ibu dan Ben dapat memaparkan sifat *caring* antara satu sama lain.

(smk Sun/propemer/Chin/gel 2/9.5.19)

Dapatan dalam gelung kedua dapat membuktikan bahawa para peserta kajian telah menunjukkan pemikiran moral dalam menyelesaikan sesuatu konflik yang wujud dalam keluarga. Melalui lakonan anti-model dan sesi forum, mereka dapat membezakan tindakan *caring* dan tidak *caring* dengan membuat keputusan yang rasional.

Sehubungan dengan itu, pemerhatian dalam gelung ketiga semasa sesi forum dan intervensi juga menunjukkan peserta kajian dapat memaparkan pemikiran rasional yang *caring*. Berikut merupakan komen-komen pemerhati:

Dalam sesi forum, peserta kajian menyatakan bahawa watak guru perlu sentiasa mengambil berat tentang kebajikan murid di sekolah. Jika guru bertindak dengan bergegas tanpa menyiasat dengan teliti, ia mungkin boleh mempengaruhi hubungan antara guru dan murid lalu memberi gambaran yang negatif tentang guru di kalangan murid. Menurut mereka, guru harus memberi peluang kepada Tom untuk menyatakan sebab dia tidur dalam kelas sebelum menilai dia.

(smk Moon/propemer/Man/gel 3/16.5.19)

Semasa lakonan intervensi, peserta dapat menunjukkan sikap guru yang *caring* dengan mengambil berat tentang watak Tom. Guru mengejutkan Tom dan bertanya tentang keadaannya dengan sifat keibuan. Guru juga memberi ruang kepada Tom

untuk menyegarkan diri. Tindakan watak guru ini dapat memaparkan sifat *caring* terhadap golongan anak murid.

(smk Sun/propemer/Chin/gel 3/16.5.19)

Analisis data triangulasi ketiga-tiga sumber untuk sub-tema rasional yang *caring* menunjukkan para peserta dapat memahami tentang kepentingan membuat pertimbangan yang rasional berserta *caring* terhadap pihak lain seperti haiwan, ibu, anak, murid dan guru. Selain itu, tingkahlaku *caring* seseorang dapat mendorong sikap *caring* dalam diri orang lain.

Perbincangan Dan Rumusan

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan *caring* dapat membantu murid untuk membuat penaakulan moral melalui Teater Forum. Kemahiran penguasaan unsur seperti pemikiran dan pertimbangan telah membuktikan perkembangan aspek penaakulan moral murid (Chang, 1998,2008)^{27,28}. Peserta dapat membuat sesuatu keputusan setelah memahami isu dengan teliti. Pendekatan *Caring* menjadi asas bagi murid untuk membuat keputusan dalam sesuatu isu moral. Tambahan pula, dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Chang (1998)²⁷ dan (Colby & Kohlberg, 2011)²⁹ bahawa respons terhadap situasi yang berstruktur oleh murid (dalam konteks kajian ini, empat langkah dalam Teater Forum) dapat mencungkil tahap tertinggi pemikiran, pertimbangan dan penaakulan moral.

Amalan *caring* tersebut diterapkan melalui teknik Teater Forum di mana murid berseronok semasa melakukan aktiviti lakonan tersebut. Empat elemen dalam amalan *caring* dapat disampaikan kepada murid melalui empat langkah dalam Teater Forum. Langkah-langkah tersebut mendorong murid untuk berfikir secara kreatif dan kritis serta mencungkil kemahiran berfikir aras tinggi mereka.

Murid dapat menganalisis setiap isu moral dari pandangan *caring* dan dapat mencari penyelesaian yang bersifat *caring*. Segala penyelesaian yang dikemukakan oleh murid mengandungi unsur *caring*. Daripada penyelesaian tersebut dapat dilihat bahawa, Pendekatan *Caring* ini dapat membantu murid untuk membuat penaakulan moral yang membawa ke arah insan yang berakhlak mulia.

Kesimpulan

Kajian ini menjadi asas kepada warga pendidik dan murid supaya bersifat *caring* dalam kehidupan seharian supaya menjadi insan yang berakhlak mulia. Murid dapat menganalisis setiap situasi yang diberi dari pelbagai sudut dan membuat penaakulan moral dari aspek *caring* demi kebaikan anggota masyarakat. Sifat *caring* ini dapat membawa kita ke arah generasi yang lebih prihatin antara satu sama lain.

Rujukan

1. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM*. Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. NadarajanThambu. (2019). Potensi unsur-unsur Teater Forum dalam pembentukan insan menyeluruh: Dapatan kajian kualitatif kelas Pendidikan Moral. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(1), 77-95.
3. NadarajanThambu. (2018). Empowering Critical Pedagogy through Forum Theatre in Teaching and Learning of Moral Education. *International Journal of Academic Research in business and Social Sciences*, 8(11), 1713-1732.
4. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2015). *Pendidikan Moral, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*, Bahagian Pembangunan Kurikulum.
5. Vishalache Balakrishnan. (2011). *Real-life dilemmas in Moral Education*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press
6. Noddings, N. (2005). What does it mean to educate the whole child? *Educational Leadership*, 63(1), 8-13
7. Nadarajan Thambu. (2017). Perkembangan pemikiran moral melalui Teater Forum: Satu kajian tindakan. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 1(1), 12-30.
8. Boal, A. (1979). *Theatre of the oppressed*. (C. A. McBride & M. O. L. McBride, Trans.). New York, NY: Urizen.
9. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2014, DBP). Dicapai pada Oktober 2019, daripada <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kepedulian>
10. Abdul Rahman Md. Aroff. (1999). *Pendidikan Moral. Teori, etika dan amalan moral* Serdang: Universiti Putra Malaysia
11. Noddings, N. (1984). *Caring. A feminine approach to ethics and moral education*. Los Angeles, CA: University of California Press
12. Noddings, N. (1994). Conversation as Moral Education. *Journal of Moral Education*, 23(2), 107-118.
13. Noddings, N. (2003). *Caring, a feminine approach to ethics and moral education* (2nd ed.). Berkeley, CA: University of California Press
14. Lickona, T. (1993). The return of Character Education. *Education Leadership*, 51(3). Diperoleh daripada <http://www.ased.org/readingroom/edlead/9311/lickona.html>
15. Wentzel, K. R. (1998). Social relationships and motivations in middle school: The role of parents, teachers and peers. *Journal of Educational Psychology*, 90(2), 202-209
16. Boal, A. (2008). *Theatre of the oppressed* (new edition). London, UK: Pluto Press
17. Babbage, F. (2004). *Augusto Boal*. New York, NY: Routledge.
18. Osburn, K. M. (2010). *Forum Theatre empowering students to speak, act and know*.
19. Kertas projek, ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan. Western Kentucky University. Diperoleh daripada http://digitalcommons.wku.edu/stu_hon_theses/245
20. Boal, A. (2006). *The aesthetics of the oppressed*. Oxford, UK: Routledge
21. Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The action research planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.
22. Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2005). *Qualitative research in education: An Introduction to theory and methods* (5th ed.). Boston, MA: Allyn& Bacon.
23. Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: A sourcebook of new methods*. Beverly Hills, CA: Sage.
24. Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass.

25. Stake, R. E. (1995). *The art of case study research*. Thousand Oaks, CA: Sage
26. Piantanida, M., & Garman, N. B. (1999). *A qualitative dissertation: A guide for students and faculty*. Thousand Oaks, CA: Sage
27. Abdul Rahman Md. Aroff, & Chang, L. H. (1994). *Pendidikan Moral (dinamikaguru)*. Petaling Jaya: Longman Malaysia
28. Chang, L. H. (1998). *Moral reasoning of Malaysian students: A study of choices of action, values and orientations of 16 year-old students*. Tesis doctor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Macquairie.
29. Chang, L. H. (2008). *Educating teachers for moral education in Malaysia*. In Chang Lee Hoon, Noraini Mohd Salleh, Wan Hasmah Wan Mamat & Vishalache Balakrishnan (Eds.), *Asia Pacific Moral, Civic and Citizenship Education: New vision and new realities* (pp. 141-150). Kuala Lumpur: University of Malaya
30. Colby, A., & Kohlberg, L. (2011). *The measurement of moral judgement volume I*. Cambridge: Cambridge University Press.